

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Friday, September 13, 2019 12:34 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Projek ExDiD Penyelidik UUM Johan Kategori Pengajaran Transformasi AKRI 2019



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

13 SEPTEMBER 2019 / 13 MUHARAM 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media

PROJEK ExDiD PENYELIDIK UUM JOHAN KATEGORI PENGAJARAN TRANSFORMASI AKRI 2019



UUM ONLINE: Putrajaya - Mengetengahkan pembelajaran melalui pengalaman yang berpusatkan pelajar secara aktif telah melayakkan pasukan penyelidik Universiti Utara Malaysia (UUM) bergelar johan Kategori Pengajaran Transformasi pada Anugerah Khas YB Menteri Pendidikan Malaysia: Rekabentuk Kurikulum dan Penyampaian Inovatif (AKRI 2019) di The Everly Hotel, semalam.

UUM telah diwakili pensyarah dari Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS) yang diketuai Prof. Dr. Haslinda Ibrahim bersama Dr. Masnita Misiran dan Dr. Norhayati Yusof dengan projek bertajuk '*Explore, Discover, Develop (ExDiD): Fostering Active Learning*'.

Kaedah ExDiD adalah mod penyampaian yang dibentuk berasaskan dua komponen besar sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) iaitu kejuruteraan dan matematik.

Kaedah tersebut mengetengahkan pembelajaran melalui pengalaman yang berpusatkan pelajar secara aktif (dalam bentuk aktiviti berasaskan masalah), dengan secara tidak langsung

dapat mengubah kelas pasif kepada pembelajaran holistik seiring dengan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

Pasukan daripada UUM ini terpilih dalam kalangan lapan finalis dari 103 penyertaan bagi Kategori Pengajaran Transformatif. Antara finalis lain termasuk Universiti Teknologi Petronas, Universiti Sains Malaysia, Taylor' University, Asia Pacific University, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan Institut Pendidikan Guru Malaysia.

Anugerah ini telah berjaya menarik sebanyak 234 penyertaan daripada institusi pengajian tinggi bagi empat kategori iaitu Kurikulum Program Pengajian Inovatif, Pengajaran Transformatif, Pengalaman Pembelajaran Imersif dan Pentaksiran Alternatif.

AKRI bertujuan untuk mengenal pasti, memberi pengiktirafan dan berkongsi amalan terbaik projek-projek serta inisiatif yang telah dilaksanakan sama ada di peringkat institusi atau individu.

Selain itu, ia adalah bagi menyemarakkan dan berkongsi amalan terbaik pemikiran dan reka bentuk semula Pendidikan Tinggi Malaysia.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching dan diiringi Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Datin Paduka Dr. Siti Hamisah Tapsir.

Hadir sama, Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim.

Naib Canselor mengucapkan tahniah dan syabas di atas kejayaan tersebut dan berharap ia akan menjadi pemangkin kepada seluruh warga UUM untuk mencapai kejayaan pada masa hadapan.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.